

## BAB V

### WAWASAN PENYAIR

#### 5.1 Wawasan Penyair

Setelah menatap karya Muda Omar 'Ali Saifuddien khususnya Syair Kenangan dan syair-syair baginda yang lain umumnya memang terasa kepada kita apa yang dikemukakan baginda itu berupa persoalan-persoalan umum yang sering dipapar dan disogokkan kepada pembaca oleh pengarang-pengarang yang lain. Persoalan-persoalan dalam Syair Kenangan dan karya baginda yang lain tidak menampakkan keluarbiasaan jika dibandingkan dengan syair Brunei yang lain. Demikian juga di Nusantara umumnya, iaitu mengandungi unsur-unsur nasihat yang bercorak pengajaran (dedaktik) dalam aspek etika, moral atau akhlak. Namun demikian, meneliti Syair Kenangan, semacam ada suatu kelainan yang tidak hanya sekadar memberi nasihat malah cuba mengajak kita berfikir, menganalisis dan memberi idea untuk menerapkan prinsip-prinsip kehidupan Islam dalam amalan kehidupan sehari-hari (termuat dalam Estetika Dalaman). Di samping

itu, gaya penulisan (bentuk bahasa) ketara ada tarikannya (Estetika Luaran).

Sehubungan dengan itu, Syair Kenangan juga tidak merupakan timbunan atau tumpukan idea yang besar-besar, falsafah yang tinggi-tinggi, cerita yang indah-indah dan kisah-kisah yang menakjubkan. Sebaliknya Syair Kenangan dan syair-syair baginda yang lain banyak memperkatakan hal ehwal yang berlaku atau mungkin akan berlaku dalam kehidupan sehari-hari termasuk di lingkungan kehidupan keluarga, masyarakat dan situasi negara sama ada yang pernah dirasai, dihayati, dilihat, dialami dan direnungi. Baginda memandang keluarga, masyarakat dan negara dengan minda yang terbuka lalu dengan rasa prihatin diluahkan ke dalam karya.

Kesedaran baginda tentang proses penciptaan dan bidang penulisan serta keinsafan bahawa daya cipta, imaginasi, akal dan intuisi adalah anugerah dari Allah S.W.T. sebagai aset yang diamanahkan kepada seseorang individu, maka dengan rasa tanggungjawab, selaku individu Islam, ayah, pentadbir, pemimpin, pemerintah

dan penulis, baginda telah memberikan buah fikiran, pandangan, matlamat serta wawasan yang mengajak khalayaknya ke arah pencapaian ketaqwaan, peningkatan kesalihan dan pemantapan budi yang luhur.

Ini memancarkan salah satu pegangan baginda bahawa setiap pekerjaan itu dianggap ibadat. Berkarya juga suatu ibadat. Apa lagi jika karya itu menyuruh melakukan 'amal makruf dan nahi mungkar' iaitu dengan mengajak manusia ke jalan yang lurus lagi sempurna dan menjauhi segala larangan. Hal ini bersesuaian dengan firman Allah dalam surah Al-Dzariyat, ayat 56 yang bermaksud "Tidak Kujadikan jin dan manusia kecuali untuk beribadah kepada-Ku". Justeru itu, dalam Syair Kenangan amat menonjol seruan 'amal makruf nahi mungkar' ini sama ada dengan menggunakan kalimat-kalimat merayu, menyeru, mengharap (memohon) atau melarang dilakukan perkara-perkara yang difikirkan bertentangan dengan prinsip-prinsip kehidupan beragama dan bertatasusila dalam masyarakat Brunei.

Pengkaji tertarik dengan karya (syair) yang bercorak demikian kerana tidak sahaja sejajar dengan dasar dan prinsip Islam malah bersesuaian dan bertepatan dengan zaman pergolakan hidup dan krisis moral dewasa ini, yang memerlukan para pendakwah (melalui karya) demi membetulkan ummah dan kesempurnaan insan. Surah Al-Syu'ara, ayat 224-227 menjelaskan ada dua sifat atau golongan penulis. Pertama, penulis yang munafik. Mereka ini tidak berpegang kepada kebenaran, apa yang mereka tulis tidak menepati apa yang mereka kerjakan, dan mereka tidak mempunyai pegangan atau prinsip hidup. Kedua, ialah golongan yang beriman, beramal salih dan banyak mengingati Allah.<sup>1</sup> Golongan pertama, para penyair yang lalai telah ditegur oleh Umar Abd. Aziz yang dianggap sebagai tokoh Islam yang muncul dalam seratus tahun menulis dalam puisinya seperti yang dinyatakan oleh Imam Ahmad bin Hanbal:-

---

1. Mana Sikana, "Tiga Penyair Nusantara: Yahya M.S., Noor Hidayat dan Marhan, dalam Ahmad Kamal Abdullah (ed.), Kesenian Islam, hal. 73 dan 74.

Siang harimu, wahai orang yang tertipu  
berlalu dengan kelupaan dan kelalaian  
dan malammu hanyalah tidur nyenyak  
padahal kehinaan menimpa dirimu  
Engkau tergoda oleh sesuatu yang akan fana  
dan engkau gembira dengan angan-angan  
seperti orang bermimpi diwaktu tidur  
tertipu oleh aneka kelazatan

Engkau sibuk dengan hal-hal yang berakibat  
merugikan dirimu sendiri  
demikianlah binatang-binatang  
menjalani hidupnya di dunia ini.<sup>2</sup>

Bagi golongan kedua, tidak saja pengarangnya  
beriman, beramal salih dan mengingati Allah, tetapi  
karyanya sendiri memancarkan keimanan, meletakkan tema  
keimanan, akidah dan ibadat itu ditangga yang pertama;  
dan karya itu juga mengajar dan menyeru supaya  
orang berbuat amal salih, beramal kerana Allah dan  
mengingati-Nya.<sup>3</sup>

Jika kita melihat hasil ciptaan dan isi  
kepenyairan Muda Omar 'Ali Saifuddien maka sudah tentu  
jelas bagi kita bahawa baginda terjumlah ke dalam

---

2. Ibid., hal. 73.

3. Ibid., hal. 74.

golongan kedua. Sebagai penyair yang termasuk ke dalam golongan ini, baginda telah banyak membicarakan dan menekankan kepentingan nilai-nilai Islam. Kepentingan dan kebenaran Islam jelas diterapkan dalam Syair Kenangan dan syair-syair baginda yang lain. Baginda sebagai penyair meletakkan unsur Islam sebagai penting kepada mental dan fizikal rakyat Brunei terutama bakal pemimpin dan pentadbir negara supaya masyarakat tidak jauh tersesat dan terpesong ke dalam jurang-jurang yang tidak diingini.

Sebagai penulis Islam dan anak watan yang patriotik dan nasionalis baginda bukan sahaja mempunyai semangat keislaman malah bersemangat kebangsaan yang tinggi yang sekaligus bertindak sebagai pembimbing nasib bangsanya yang masih serba kekurangan terutama

pada tahap awal penglibatan baginda dalam pemerintahan dan penulisan.<sup>4</sup>

Dalam Syair Kenangan, moral dan akhlak yang ditonjolkan adalah untuk memberi panduan kepada audiens supaya menjadi pemimpin, pentadbir, pekerja, petugas dan rakyat Brunei yang baik, hidup dan bertugas semata-mata kerana Allah dan berhikmah untuk manusia. Baginda menyarankan agar kita bertugas dan bekerja dengan gigih dengan berpandukan pada lunas-lunas 'keimanan', 'keislaman', dan 'ihsan' iaitu dengan berakh�ak sambil berserah diri (bertawakal) kepada Allah. Hanya itulah satu-satunya yang dapat

---

4. Pemerintahan baginda bermula pada awal tahun 1951 (rujuk balik bab 111 - 3. 1. 3). Manakala aktif di bidang penulisan kira-kira pada akhir tahun 1950an dan disekitar tahun 60an. Namun demikian, idea dan pemikiran serta wawasan baginda memang sudah awal diterapkan di dalam karya iaitu pada tahun 1953 (kisah membentuk perlembagaan dalam Syair Perlembagaan Negeri Brunei). Justeru itu tahun pemerintahan adalah sejajar dengan dunia penulisan baginda.

menjanjikan masa depan yang terjamin dan diredayai Allah jua.<sup>5</sup>

Apa yang dipaparkan baginda itu berupa renungan tentang kehidupan di dunia ini. Pandangan baginda memang sejajar dengan moral yang dikehendaki dalam Islam, yang melihat kehidupan dunia hanya untuk sementara sedang yang kekal ialah akhirat. Kebaikan, kesabaran dan melakukan pekerjaan yang berkebaikan serta ikhtiar dan rajin berusaha terutama dalam urusan pentadbiran negara merupakan intisari

---

5. Rangkap 040 dan 076 telah membuktikan:

- a Pertama iman yang mulia,
- b kedua Islam yang diperkaya,
- c ketiga ihsan yang amat berbahagia,
- d dengan sebolehnya amati dia.

Rangkap 076:

- a Perkara sukar menjadi mudah,
- b kalau tidak membanyakkan telingkah,
- c haruskan tiada mendatangkan susah,
- d syaratnya bertawakal kepada Allah.

moral yang telah disampaikan oleh baginda.<sup>6</sup> Tegasnya, moral atau akhlak yang dihasratkan baginda telah terkumpul ke dalam satu mesej dalam 'Estetika Dalaman'. Dalam mesej-mesej tersebut tercerna nilai-nilai akhlak yang unggul yang berupa kesempurnaan kepada setiap insan dalam apa jua bidang pun seperti akhlak diri dalam kehidupan beragama (peribadatan) dan bersosiosbudaya (kemasyarakatan), akhlak diri dalam menjalankan siasah (kenegaraan), akhlak diri dalam bidang perusahaan (ekonomi) dan akhlak diri dalam bidang penuntutan ilmu pengetahuan atau pendidikan.<sup>7</sup> Persoalan akhlak inilah yang banyak ditekankan oleh baginda yang berupa aspek dalaman atau tema karya baginda. Justeru itu, pemikiran baginda ini adalah bersamaan dengan teori sastera yang mengatakan sesbuah 'karya sastera' diukur dari aspek dalaman, iaitu sejauhmana tema atau pemikiran yang disampaikan dianggap baik dan diterima

---

6. Sila lihat rangkap 118, 119, 120 dan 369. Sebagai contoh rangkap 118 berbunyi:

- a Syarat menjalankan peraturan negara,
- b di dalam dunia buat sementara,
- c untuk akhirat baik ditara,
- d kerana Allah itu dikira.

7. Rujuk Estetika Dalaman, bab 4.2.

dari segi nilai dan norma kemanusiaan, baik dari pandangan sejagat maupun pandangan Islam.<sup>8</sup>

Soal akhlak adalah soal sejagat (universal) dan berlaku di sepanjang zaman (*a-historich*) kerana akhlaklah yang paling utama dimiliki oleh warga sesebuah kehidupan. Tanpa akhlak yang baik, seseorang malah negara tentu akan menghadapi kepincangan dan kehancuran. Maka dengan itu akhlak adalah kunci kepada keselamatan dunia dan akhirat. Menyedari hakikat ini, para pemimpin khususnya dalam negara-negara Islam rata-rata mengutamakan aspek ini. Bagi negara-negara Islam keutamaan ini bukan saja dilaung-laungkan oleh para pemimpin masing-masing malah telah ditegaskan dalam firman dan hadith Rasulullah S.A.W. sejak bertapaknya Islam di dunia.<sup>9</sup> Perkara ini telah banyak disentuh dan diterangkan di dalam bab 4.<sup>10</sup>

---

8. Shahnun Hanif Abdullah Suhaimi, op. cit., hal. 10.

9. Islam di sini bermaksud agama bawaan Nabi Muhammad S.A.W.; tidak termasuk agama-agama tauhid yang terdahulu.

10. Rujuk balik halaman 260-344.

Baginda memandang serius dan bersifat futuristik dalam hal ini dengan mengetengahkan contoh dan perbandingan mengenai isu globalisasi dunia moden sekarang terutama di Barat yang begitu menekan dan meruncing. Banyak sebab yang telah menjerumuskan kehancuran akhlak individu dan masyarakat terutama golongan muda-mudi dan belia. Di antaranya ialah hasil dari proses urbanisasi dan perindustrian, serta penonjolan konsep liberalisme dan sekularisme yang terlalu memfokuskan nilai individualisme, nilai materialisme(kebendaan) dll. sekali gus mengabaikan nilai spiritualisme (kerohanian) dan persaudaraan (ukhuwwah). Ini telah membawa kesan negatif termasuk lemahnya pegangan keagamaan, longgarnya ikatan persaudaraan, berkurangnya kepentingan sosial keluarga, keluarga tidak stabil, hilangnya rasa nilai kejiraninan, tidak lagi berpegang kepada solidariti sosial, menonjolnya sifat-sifat individualistik, mementingkan materialistik dan penghijrahan ramai anak-anak remaja ke bandar-bandar. Gaya hidup di bandar-bandar yang membolehkan mereka bergerak bebas mengikut perasaan telah menjadi daya tarik. Kebebasan tanpa kawalan iman

dan akhlak ini, telah menimbulkan pula gejala-gejala yang tidak diingini seperti mengerjakan maksiat dan menurut kehendak nafsu, melakukan jenayah seperti menghisap dadah, pelacuran, bersekedudukan tanpa nikah, menggugurkan kandungan, membuang bayi, penderaan, rompakan, pencurian, samun, peras ugut, tipu, pecah amanah, rasuah, ponteng sekolah, budaya lepak dan sifat-sifat akhlak Mazmumah yang lain.

Sebagai contoh di Amerika, gejala keruntuhan moral yang membimbangkan manusia moden sejak kebelakangan ini ialah berlakunya jenayah seks di kalangan pelajar sekolah belasan tahun dan kanak-kanak perempuan serta berleluasanya homoseksual dan lesbian di Washington. Kota raya London mendapat gelaran 'kota sejuta jenayah' kerana telah terbukti terdapat sebanyak 945,300 kes jenayah yang dianggap sebagai kota jenayah yang paling bahaya di dunia.<sup>11</sup>

---

11. Shahnun Hanif Abdullah Suhaimi, op. cit., hal.10.

Dari golongan yang lain pula, berkemungkinan juga setengah para individu sama ada yang terpelajar mahupun tidak bersikap angkuh, sompong diri, egoistik, riak dengan kekayaan dan ketinggian ilmu pengetahuan.

Aspek-aspek tersebut yang mungkin dikhuatirkan oleh baginda akan terjadi dalam kehidupan masyarakat. Walaupun hal-hal yang tersebut belum begitu serius ketika baginda mengarang Syair Kenangan (Lebih 30 puluh tahun yang lalu) namun berdasarkan isi Syair Kenangan jelas sekali baginda sedar akan kemungkinan sedemikian. Buktiya lihat madah baginda pada rangkap 151:-

- a Ada bermegah kerana pangkatnya,
- b martabat lapisan diagungkannya,
- c kaya berharta dibawa-bawakannya,
- d cerdik dan pintar jadi kesombongannya.

Hal tersebut sudah tentu tidak bersesuaian dengan keperibadian kita sebagai umat Islam yang telah diajarkan dengan sifat-sifat al-mahmūdah di dalam kehidupan termasuk kehidupan bernegara. Seorang ahli falsafah Barat yang cukup terkenal, *Bertrand Russel* mengatakan bahawa 'setinggi manapun pencapaian dan kecemerlangan teknologi manusia, prestasi dan pencapaian ini tidak berupaya menebus kemiskinan moral'.<sup>12</sup> Maksudnya cukup jelas iaitu dengan bertambahnya keselesaan hidup dan meningkatnya kemajuan ekonomi serta teknologi tidak ada erti jika kemajuan agama dan akhlak tidak meningkat. Penekanan yang berlebihan terhadap kemajuan kebendaan itu sering membawa kita lalai atau terus lupa dengan peningkatan

---

12. Penulis Khas, "Agama Jadi Teras Wawasan 2020", Berita Harian, KL., Malaysia, 18. 9. 93, hal. 10.

bidang agama dan akhlak.<sup>13</sup> Perkara inilah yang menjadi perhatian oleh pengarang.<sup>14</sup>

Oleh hal yang demikian, ukuran negara maju yang sebenarnya bukan hanya bergantung pada kekuahan ekonomi dengan kemantapan keluaran Negara Kasar (KNK) dan perkapitanya yang tinggi, kualiti hidup yang mewah atau pendapatan dan hasil bumi yang melimpah ruah. Sebaliknya perlu juga diukur kekuatan dalamannya yang terhasil dari pembangunan infrastruktur rohani yang kukuh. Infrastruktur ini tidak hanya meliputi sistem pendidikan formal yang bermetodologi dan pedagogi yang

---

13. Ibid., hal. 10.

14. Lihat apa kata baginda dalam rangkap-rangkap berikut sebagai contoh (perkataan kebendaan disebut di dalam syair sebagai lambang hantu dan syaitan):

- Rangkap 205 a Ambung-ambung kutu,  
b tungau bersarang di dalam takir,  
c perasaan mengikut asutan hantu,  
d itik berenang disebalik cipir.

- 368 a Ke Tutong membeli siut,  
b menyimbat sireh berpapan-papan,  
c bukan untung modal terpaut,  
d kalau diturut ajakan syaitan.

cekap malah juga melalui pendidikan informal.<sup>15</sup> Pendidikan informal meletakkan peranan ibu bapa dalam menangani perkembangan mental, emosi dan fizikal anak-anak di rumah demi ketahanan moral dan akhlak bila mereka meningkat dewasa. Salah satu cara pendidikan informal yang baginda berikan kepada putera puteri baginda termasuk khalayaknya baik masyarakat Brunei mahupun masyarakat dunia ialah melalui karya atau penulisan.

Cara ini berbeza sekali dengan asas pendidikan Barat. Menurut pakar psikologi Barat, salah satu corak pendidikannya adalah berdasarkan kepada sistem keibubapaan yang longgar, yang juga dikenali sebagai aliran liberal dan demokratik. Menurut aliran ini ibu bapa mengelak diri daripada mengajar atau menanamkan nilai moral kepada kanak-kanak. Mereka percaya kepada teori bahawa apabila dewasa kelak mereka akan dapat memilih sendiri nilai hidup yang mereka suka berdasarkan proses 'trial' dan 'error' yang mereka

---

15. Penulis Khas, op. cit., hal. 10.

alami dari semasa ke semasa. Kenyataan ini telah meninggalkan kesan buruk yang parah dalam masyarakat Barat. Anak-anak yang tidak diajar akan nilai-nilai moral dan akhlak sejak kecilnya adalah ibarat sebuah kapal yang diperbuat daripada kertas kemudian dilayarkan di dalam lautan yang berombak dan bergelora.<sup>16</sup>

Justeru itu, kekuatan moral atau akhlak adalah menjadi tulang belakang dalam memperjuangkan dan mempertahankan identiti, maruah dan keperibadian negara-bangsa terutama ketika menghadapi cabaran arus globalisasi dunia. Sebagai seorang pemimpin yang berpegang teguh pada unsur-unsur keislaman maka soal akhlaklah menjadi penekanan utama serta menjadi wawasan yang ditonjolkan dalam Syair Kenangan dan karya-karya baginda yang lain.

Segala pemikiran baginda yang menyentuh aspek-aspek akhlak seperti yang diuraikan terdahulu, bukan

---

16. Ismail Ibrahim, "Membentuk Masyarakat Bermoral", Berita Harian, KL., Malaysia, 11. 2, 94. , hal.10.

saja bersumber daripada interpretasi pengajaran daripada al-Quran dan al-hadith malah juga daripada kitab Tajus-Salatin. Keterangan yang baginda ada menganalisis Tajus-Salatin ini telah dibuktikan dari dua buah karya baginda yang lain iaitu dalam Syair Perlembagaan Negeri Brunei dan Syair Nasihat (Tajus-Salatin tidak disebut dalam Syair Kenangan tetapi mesejnya sama dengan apa yang dimaksudkan dalam Tajus-Salatin).

Dalam Syair Perlembagaan Negeri Brunei hal. 39 baginda menyebut:-

Tajus-Salatin namanya buku,  
huraian nasihat di dalamnya beku,  
tatkala memilih saudara suku,  
hendaklah dibaca wahai malaiku.

(Sy. Perlembagaan Negeri Brunei, hal 39)<sup>17</sup>

Wahai anakanda muda 'arifin,  
cahayanya ayah muda yang mukmin,  
sebelum menumpukan hati diyakin,  
bukalah kitab Tajus-Salatin.

(Sy. Perlembagaan Negeri Brunei, hal. 39)

---

17. Muda Omar 'Ali Saifuddien, Syair Perlembagaan Negeri Brunei, salinan daripada Pusat Sejarah, cetakan jawi, diterbitkan oleh Dato Othman bin Talib, DBP., Persekutuan Tanah Melayu, tanpa tarikh.

Amalkan dia<sup>18</sup> berserta yakin,  
bukan saja zahir tetapi batin,  
itulah pakaian orang yang mukmin,  
tertulis di buku Tajus-Salatin.

(Sy. Nasihat, hal. 19)<sup>19</sup>

## 5.2 Tajus-Salatin

Tajus-Salatin merupakan khazanah prosa sastera tradisional iaitu sebuah kitab yang lahir dari persekitaran ilmiah di Aceh. Kitab ini dikarang oleh seorang yang berlatarbelakangkan ulama, yang berbentuk historiografi yang ciri-cirinya wujud di dalam tradisi Islam seperti kitab Nasihat al-Muluk oleh Imam al-Ghazali atau al-Ahkam al-Sultaniyyah oleh al-Mawardi. Tulisannya bertujuan menasihati raja-raja dan pembesar-pembesar dan kakitangan pemerintah dalam

---

18. Maksud 'dia' jika menurut rangkap sebelumnya ialah berakhhlak(perbuatan yang baik). Cuba lihat rangkap ini di halaman 18:

Jasa yang baik jadi kenangan,  
peribahasa itulah bayangan,  
perbuatan yang baik bukan larangan,  
hendaklah diamalkan wahai gerangan.

(Sy. Nasihat, hal. 18)

19. Muda Omar 'Ali Saifuddien, Syair Nasihat, cetakan jawi tanpa tahun dan tanpa penerbit, tetapi dicetak oleh Ke Meng Press, KL.

mengendalikan pemerintahan dan juga panduan kepada ibu bapa dalam mendidik anak. Temanya berunsur politik pemerintahan menurut aspirasi keislaman dan kaya dengan unsur-unsur pendidikan Islam.<sup>20</sup>

Kitab<sup>21</sup> ini mengandungi 24 fasal. Fasal-fasal yang disentuh bukan hanya terdiri mengenai asal kejadian manusia, dunia dan penghuni, penghabisan riwayat hidup, tanggungjawab para jurut dan para pegawai, pendidikan anak-anak, hemat yang benar, berbudi, belas ihsan, ilmu kiafah dan tanda-tanda ilmu firasat malah meliputi soal-soal kenegaraan.

Di antara perkara-perkara yang tersebut di atas ada hubungkaitnya dengan hasrat baginda dalam menerajui negara sama ada yang terkandung dalam Syair Kenangan dan syair-syair baginda yang lain ialah seseorang pemimpin, para pentadbir atau para menteri dan petugas itu mestilah menjalankan dengan keadilan, memiliki ilmu, bersatu padu, berani, tidak menurut hawa

---

20. Shafie Abu Bakar, "Takmilah: teori sastera Islam", hal. 40.

21. Tajus-Salatin yang menjadi rujukan pengaji ialah yang diselenggarakan oleh Khalid Hussain, DBP., KL., cetakan pertama 1966 dan cetakan kedua 1992.

nafsu, tidak sompong, siasat, prihatin kepada fakir miskin, tidak boros dalam penggunaan wang perbendaharaan, mencari teman atau rakan yang baik, mengerjakan 'amal maaruf nahi mungkar' iaitu mengerjakan kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Aspek ini telah disentuh dalam fasal 5, 6, 7, 10 dan 20 dalam kitab Tajus-Salatin dan dalam Syair Kenangan pula sila rujuk bab 4, bahagian 4.5 - 4.7.8).

Begitulah di antara isi kandungan kitab Tajus-Salatin yang banyak menyentuh tentang akhlak di dalam menerajui dan menyempurnakan pemerintahan negara dengan berlandaskan pada hukum dan syariat Rasulullah S.A.W. Kitab ini amat berguna dan bermanfaat kerana dapat memberi petunjuk bagaimana menjadi pemimpin Islam yang sejati dan diberkati Allah. Justeru itu Muda Omar 'Ali Saifuddien menggalakkan bakal-bakal pemimpin Negara Brunei Darussalam untuk terus membaca agar dari tunjuk ajar, kata nasihat, perbandingan cerita-cerita di dalamnya dapat menjadi contoh tauladan dalam menangani sesbuah negara Islam.

Tentang kepentingan membaca Tajus-Salatin ini  
Munshi Abdullah pernah menyatakan dalam 'Kisah  
Pelayaran Abdullah Ke Negeri Kelantan'

"Ingat-ingat Tengku, lagi akan ditanyai Allah Ta'ala pada hari kemudian akan segala hal rakyat itu kepada rajanya. Dan lagi, Tengku, bermula-mula yang masuk neraka itu, segala raja-raja yang zalim ia di atas rakyatnya. Dan lagi yang bermula-mula masuk syurga itu, segala raja-raja yang adil, Tengku. Maka janganlah Tengku kira orang yang menjadi raja itu terlebih besar dan terlebih mulia daripada rakyatnya, melainkan orang yang terkecil lagi hina, adanya, iaitu hamba segala hamba Allah. Adapun apabila seorang dijadikan Allah ia raja, bukannya sebab hendak memuaskan nafsunya dan..... mencari harta dan membunuh orang dengan aniayanya, melainkan sebab disuruh Allah memeliharakan manusia, supaya tiada dianiayai oleh seorang akan seorang, itulah gunanya. Maka sebab itu, patutlah segala raja-raja itu menaruh kitab Tajus-Salatin (ertinya Mahkota Segala Raja-Raja) dan menilik akan dia pada tiap-tiap hari dan mencari orang yang tahu dan belajar kepadanya dan menerima segala nasihat orang yang alim supaya boleh Tengku ketahui hal segala raja-raja yang adil dan yang zalim...".<sup>22</sup>

---

22. Kassim Ahmad(ed.), Kisah Pelayaran Abdullah, KL: Fajar Bakti, 1981, hal. 73. Kata-kata di atas adalah dari Abdullah Munsyi sendiri kepada Tengku Temena semasa beliau menemui di istana baginda di negeri Kelantan.

Dari petikan di atas, menampakkan bahawa kitab Tajus-Salatin ini tidak hanya penting untuk Brunei bahkan kepada kerajaan-kerajaan Melayu yang lain.

Bacaan Tajus-Salatin juga ada disebut dalam Syair Rakis<sup>23</sup> iaitu:-

Ulanda itu sangat ariffin,  
mengaji kitab Tajus-Salatin,<sup>24</sup>  
akalnya besar lagi setiatin,  
di negeri Betawi jadi gobermin.

(Sy. Rakis, hal. 90)

Maksud syair di atas dapatlah ditafsirkan:-

- a) Kepatuhan kepada prinsip-prinsip yang ditegaskan dalam Tajus-Salatin telah berjaya menaikkan martabat umat Melayu yang mengamalkan sistem kesultanan.

---

23. Karya Pengiran Syahbandar Pengiran Md. Salleh, op. cit.

24. Di dalam buku Syair Rakis dieja Tajul-Salatin.

- b) Selaku penjajah, orang Belanda terpaksa menyelidiki isi kitab Tajus-Salatin untuk mengetahui kekuatan Melayu dan juga kelemahan mereka. Dengan itu dapatlah dirangka strategi penjajahan yang berkesan.
- c) Pernyataan Pengiran Syahbandar ini menyerlahkan hakikat bahawa Tajus-Salatin nampaknya jadi penentu jatuh bangunnya umat Melayu.
- d) Muda Omar 'Ali Saifuddien memanfaatkan Tajus-Salatin dalam aspek 'kebangunan atau kebangkitan' sedangkan Pengiran Syahbandar menunjukkan aspek 'kejatuhan'.

Oleh hal yang demikian, dapatlah disimpulkan mengapa baginda menggalakkan pembacaan terhadap buku Tajus-Salatin dan pengkaji kaitkan pula dengan Syair Kenangan. Ini adalah disebabkan segala isi kandungan Syair Kenangan mempunyai rujukan rapat dalam Tajus-Salatin terutama dari segi moral atau akhlak, pemimpin yang adil dan kedudukan para menteri. Raja dan para

menteri adalah pendukung amanah kerajaan untuk memikul tanggungjawab bagi menyempurnakan kesejahteraan rakyat dan negara. Justeru itu, raja dan menteri adalah ibarat isi dan kuku dalam menggerakkan jentera pentadbiran negara dan menangani masalah rakyat.

### 5.3 Kesan

Sikap baginda untuk membina insan dengan memberi pelbagai nasihat dalam soal akhlak seperti yang telah dihuraikan dalam Syair Kenangan bukan hanya tercatat sebagai bacaan perintang waktu malah telah dihayati dan dipraktikkan sebagai amalan harian dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat yang melibatkan putera baginda yang kemudiannya menjadi pemimpin dan 'tonggak negara' iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Menerusi sebuah titah baginda semasa Pengisytiharan Penyusunan semula Menteri-menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam yang disiarkan secara langsung dari Istana Nurul Iman melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 20

Oktober 1986, baginda mengakui yang ayahanda baginda memang sering memberi nasihat:-

"...lebih-lebih lagi Almarhum bukan saja seorang ayah yang sentiasa mencurahkan kasih sayang yang penuh mesra kepada anak-anak, Almarhum juga adalah seorang pembimbing yang sentiasa memberikan bimbingan tunjuk ajar dan kata nasihat yang tidak putus-putus kepada Beta sehingga akhir hayat baginda."<sup>25</sup>

Bimbingan dan tunjuk ajar baginda kepada putera-puteri baginda tidak sahaja meliputi hal-hal kehidupan sehari-hari, bahkan meliputi hal-hal kenegaraan, termasuk falsafah negara. Pemikiran baginda di dalam Syair Kenangan khususnya dan syair-syair baginda yang lain umumnya telah meninggalkan kesan yang membawa kepada penggubalan falsafah kenegaraan NBD yang dikenali sebagai 'Melayu, Islam, Beraja' (MIB). Ketiga-tiga konsep inilah yang telah dicerna, dimanfaat dan dilaksanakan dengan begitu lengkap dan sempurna oleh anakanda baginda seperti titah baginda:-

"...dari tiga rangkai kata Melayu, Islam, Beraja, terdapat unsur-unsur atau nilai-

---

25. Mohd. Jamil al-Sufri, Penyair Diraja, hal.24.

nilai yang positif untuk ketahanan negara, umpamanya dari Melayu itu, ialah bahasanya. Siapapun tak boleh menyangkal bahawa bahasa Melayu itu adalah satu-satunya alat perpaduan kita yang paling efektif. Tanpa bahasa ini, kita tentunya tidak akan dikenali sebagai satu bangsa yang berdaulat lagi mempunyai identiti. Demikian juga Islam, ialah agama yang menjamin seluruh kepentingan rakyat dan penduduk dengan tidak mengira apa jua agama, suku kaum dan keturunan. Pendeknya agama Islam adalah jaminan keselamatan dan kesejahteraan untuk semua. Kerana itu tidak siapa yang perlu takut atau ragu mengenainya. Sementara perkataan Beraja pula adalah menunjukkan kepada kerajaan yang Bersultanatau Beraja yang sudah wujud dan menjadi warisan zaman semenjak dari beberapa abad lagi.<sup>26</sup>

Bukti falsafah negara ini telah sedia ada dalam pemikiran baginda berdasarkan pada beberapa rangkap Syair Kenangan. Sebelum itu penggunaan perkataan 'Melayu' menurut baginda bukan sahaja terletak pada bahasa Melayu malah meliputi kepada bangsa dan

---

26. Titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan puja usia baginda ke 44 tahun di daerah Belait pada 21 Julai 1990 dalam judul Melayu Islam Beraja sebagai falsafah negara Brunei Darussalam oleh Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Sumbangsih UBD, Akademi Pengajian Brunei, NBD: UBD., 1992, hal. 2 - 3.

budayanya. Perkataan 'keturunan' bermaksud Beraja dalam

MIB:-

- Rangkap 087 a Saudara mazhab bangsa sapancir,  
b dijalan kebajikan bersama fikir,  
c bersama bertahan jangan  
bersingkir,  
d untuk kebaikan saudara sesipir
- " 125 a Buah pulaga sijintan merah,  
b daspadas dasmanis sama berkuah,  
c bangsa berbahasa yang amat  
petah,  
d elok bersama simpan maruah.
- " 126 a Maruah bangsa bahasa kita,  
b mutunya tinggi bukannya lata,  
c berteguh janji mudah dikata,  
d elok dibuktikan dengannya nyata.
- " 128 a Dengan saudara handai taulan,  
b bersama mengukuhkan tali  
simpulan,  
c simpulan muhibah saudara  
kenalan,  
d bangsa dan agama sama berjalan.
- " 273 a Bangsa tak dapat dijual beli,  
b asal keturunan hendaklah  
bertali,  
c sesama kita membuat lali,  
d harus tak siapa ambil peduli.
- " 329 a Di segi Islam seumpamanya,  
b disifatkan air saudara maranya,  
c payah disapar air alungannya,  
d asalkan bersungguh membela  
ianya.

- " 330 a Bangsa sebahasa sebagai misal,  
           b tak payah diakui tak payah  
           disangkal,  
           c ibaratkan darah asal segumpal,  
           d susah diparaie payah dikepal.
- " 366 a Bahasa bangsa mazhab kita,  
           b jangan ditukarkan dengan yang  
           lata,  
           c walau banyak pujuk berjuta,  
           d hanyalah zahir batin tak nyata.
- " 415 a Bersama pegangan mengharumkan  
           negara,  
           b bersulai-sulaian sanak saudara,  
           c bersama menegakkan agama suqara,  
           d kemasyhuran kekal harus tak  
           cedera.

Beqitu juga falsafah ini terdapat dalam Syair Nasihat yang menyatakan kepentingan Islam sebagai agama rasmi, Raja sebagai ketua negara dan rakyat yang setia:-

Bendera Islam pakaian negerinya,  
 ketua negara besar tiangnya,  
 rakyat sekalian jadi pasaknya,  
 baharulah baik peraturannya.

(Sy. Nasihat, hal. 25)

Dariuraian yang telah dibentangkan, membuktikan yang baginda memiliki ketajaman fikiran, berwawasan dan berpandangan jauh kehadapan.

Wawasan baginda bukan hanya berhasrat memberi kemakmuran kepada rakyat dan keamanan negara malah lebih dari itu iaitu **kesempurnaan insan** di bumi Brunei khususnya dan sejagat umumnya. Kesempurnaan ini hanya akan tercapai melalui **kesempurnaan akhlak**. Kesan dari pemikiran dan wawasan baginda juga melahirkan falsafah negara MIB. Oleh hal yang demikian, memandangkan kepada sumbangan baginda yang amat besar di dalam sejarah perkembangan kesusastraan Melayu Brunei, maka wajarlah gelaran 'Penyair Diraja'<sup>27</sup>, 'Sasterawan Negara' atau 'Sasterawan Yang Unggul' diabadikan kepada baginda. Gelaran 'Sasterawan Negara atau Sasterawan Yang Unggul' ini diakui sendiri oleh Kebawah DYMM, Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Wadaulah dalam titah baginda yang disiarkan secara langsung dari Istana Nurul Iman melalui Radio Televisyen Brunei pada 20 Oct. 1986 yang mengatakan:-

"...Tidak syak lagi Paduka Ayahanda Beta,  
Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan yang ke-  
xxviii bagi Negara Brunei Darussalam akan

---

27. Dalam buku Penyair Diraja, hal. 97.

mengambil tempat yang teraung dalam sejarah negara kita oleh kerana jasa-jasa Almarhum begitu besar sekali dalam pembangunan negara. Di samping sebagai seorang negarawan yang terulung dan yang banyak menabur jasa bakti, Almarhum juga merupakan seorang nasionalis dan sasterawan yang unggul. Nama dan jasa-jasa Almarhum akan dicatat dengan tinta emas di dalam sejarah Negara Brunei Darussalam, dan akan menjadi kemegahan dan ristaan zaman berzaman".<sup>28</sup>

---

28. Ibid., hal. 29.